

Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat UMP Meriah



Kuantan, 5 Mac - Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Universiti Malaysia Pahang (UMP) disambut meriah selama seminggu dengan pelbagai pengisian program berteraskan gaya hidup sihat termasuk acara larian, karnival sukan, pertandingan masakan sihat dan perkongsian kesihatan mengenai penjagaan kesihatan serta pemeriksaan kesihatan melibatkan warga kampus.

Program anjuran Sekretariat Generasi Siswa Sihat (Genesis) ini mendapat kerjasama daripada Persatuan Wanita UMP (Matahari), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pusat Kesihatan Universiti dalam memberi kesedaran menyemai sifat keprihatinan terhadap isu kesihatan terutamanya dalam kalangan wanita yang memainkan peranan dalam menyumbang terhadap pembangunan negara.

Hadir merasmikan program Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang, Dato' Hajah Shahaniza Shamsuddin dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut sama Timbalan Presiden Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Datin Dr. Mazita Mokhtar, Ketua Penolong Pengarah Promosi Kesihatan JKNP, Ismawati Ishak dan pengarah program, Amira Shafiqah Rahim.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, bagi melahirkan mahasiswa yang lebih kompetensi dan karismatik, mahasiswa perlu diberikan pendedahan ilmu pengetahuan yang berbentuk kemahiran mahupun ilmiah untuk mencapai kecemerlangan yang holistik serta berdaya saing.



"Penganjuran program Hari Wanita tidak dilihat setakat meraikan sambutan semata-mata namun harus dijadikan sebagai wadah untuk menilai kemajuan yang dicapai dan melihat pelbagai prospek dan peluang yang boleh diterokai untuk manfaat bersama," katanya. Malahan, kaum wanita akan terus berperanan secara aktif mengemulangi potensi diri bagi memanfaatkan keluarga, masyarakat dan pembangunan Negara.

Di antara kejayaan yang telah diperolehi oleh kaum wanita UMP di peringkat global yang boleh dibanggakan di universiti ini termasuklah Prof. Datin Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim yang juga Presiden Persatuan Wanita UMP pernah dinobatkan penerima Anugerah Khas Intellectual property Organization (WIPO), Best Women Inventor dalam Pameran Reka Cipta Inovasi & Teknologi Antarabangsa 2010.

Begitu juga Dr. Fatmawati Adam, pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli yang telah menang Anugerah Buku Negara 2014 dalam Kategori Buku Umum terbaik. Lain-lain alumni UMP, Myrza Fasha Md Hamyudin yang merupakan graduan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) berjaya mengharumkan nama negara apabila menakluk puncak Everest yang tertinggi di dunia itu pada tahun 2013.



Manakala siswi UMP, Nurul Fazirah Md. Naser dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM) yang aktif dalam kerja kesukarelawanan bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) terpilih menyertai *International Association For Volunteer Effort* dan *24th IAVE World Volunteer Conference Mexico* pada tahun lalu.

Dato' Dr Daing turut berbangga dengan pencapaian Persatuan Wanita UMP yang banyak mencurahkan bakti dan mengembleng tenaga untuk menghasilkan inisiatif yang dapat memanfaatkan masyarakat setempat dalam aktiviti professional, program amal dan kebajikan khususnya membantu warga kampus serta masyarakat di negeri Pahang.

Beliau turut menyeru kepada semua wanita terutamanya mahasiswi UMP agar sentiasa membuka minda dan merebut peluang untuk berjaya dalam pelbagai bidang yang diceburi untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Majlis menyaksikan Dato' Hajah Shahaniza menyampaikan Anugerah Tunas Harapan yang dinobatkan kepada mahasiswi Joanne Bong Shan manakala Anugerah Srikandi dianugerahkan kepada Afiqah Yeop yang cemerlang dalam akademik, penyelidikan, kepimpinan dan kerja kesukarelawanan. Selain itu sebanyak RM 1152 berjaya dikumpulkan sebagai sumbangan kepada tabung MyGift UMP dalam membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan.

Dalam pada itu seramai 800 orang mahasiswi menyertai Womens Run sejauh lima kilometer sekitar kampus sebagai kemuncak penganjuran program yang bermula pada 27 Februari berakhir hari ini bagi memeriahkan sambutan Minggu Wanita Sedunia pada tahun ini.



Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 06-03-2017, 10:44:42